

Pelajar Melayu perlu sentiasa diberi motivasi

BH 22 JUN 2001

GURU dan penyiar radio **Us** sentiasa memberi motivasi serta kesedaran mengenai kepentingan pelajaran kepada pelajar Melayu menerusi pengajaran yang dilakukan di dalam bilik darjah dan kuliah.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata mereka tidak sepatutnya menghadkan sesi pengajaran dalam kelas dan kuliah untuk mengajar apa yang terkandung dalam sukatan pelajaran saja.

Katanya, pelajar hendaklah sentiasa diingatkan bahawa mereka perlu sentiasa cemerlang untuk membolehkan bersaing dengan pelajar kaum lain, terutama dalam era globalisasi.

“Jika tidak, kita mungkin dijajah kembali,” katanya ketika mengulas ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung Umno ke-55 semalam.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir antara lain menegur sikap anak Melayu yang kurang berminat belajar hingga menyebabkan kebanyakan mereka mendapat pencapaian yang rendah dalam pelajaran masing-masing.

Katanya, anak Melayu sebenarnya tidak kurang kepandaiannya berbanding bangsa lain tetapi ramai yang malas serta tidak berminat untuk belajar, sebaliknya lebih suka melepak dan berfoya-foya.

Adnan berkata, masalah malas belajar seperti teguran Dr Mahathir itu akan menimpa mana-mana golongan yang mendapat keistimewaan hingga menyebabkan mereka berasa tidak perlu bekerja kuat dan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapat keputusan cemerlang.

Katanya, keadaan itu berlaku kerana mereka berasa selesa dengan keistimewaan yang disediakan seperti kouta kemasukan ke institusi pengajian tinggi yang ditetapkan kerajaan.

“Jika gagal sekalipun, kerajaan yang ada akan membantu. Masalahnya sampai bila kerajaan akan membantu kerana ini hanya boleh dilakukan jika kerajaan yang ada terus memerintah.

“Tetapi dengan ancaman pelbagai pihak, termasuk orang Melayu di luar kerajaan, satu masa nanti kerajaan yang ada mungkin lemah dan tidak boleh menjamin kedudukan keistimewaan ini, terutama dalam pendidikan,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap pelajar Melayu menerima teguran Dr Mahathir itu sebagai teguran bapa kepada anaknyayang mahu mereka sedar daripada lamunan mimpi dan bangun daripada tidur supaya berusaha mencapai kecemerlangan.

Beliau berkata, jika bersungguh-sungguh dalam pelajaran, orang Melayu tidak perlu bimbang sekalipun sistem kouta kemasukan ke universiti tiada lagi pada masa depan kerana pada ketika itu mereka sudah mencapai kecemerlangan.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata peringatan Dr Mahathir itu memang kena pada masanya dan perlu diberi perhatian berat oleh semua orang Melayu.

Beliau berkata, pendidikan penting untuk memastikan kesinambungan pembangunan serta ketuanan Melayu di negara ini.

“Jika orang Melayu ketinggalan dalam bidang pendidikan, bererti kita akan ketinggalan dalam banyak bidang. Jika semua kerja dilakukan oleh orang lain, termasuk dalam perniagaan dan pekerjaan profesional lain, lambat laun negara ini akan diambil alih oleh orang lain,” katanya.